



BERITA PSSM

PSSM: 2000(3) Untuk Ahli Sahaja (For Members Only) Jul - Sep 2000

KANDUNGAN/CONTENTS

- Dari Meja Presiden 1
- Persidangan Kebangsaan – “Sains Sosial di Malaysia: Realiti dan Cabaran Baru” 2
- Third International Malaysian Studies Conference (MSC3) 4
- Laporan Seminar Hak Asasi Manusia 5
- Berita-berita Ringkas (News in Brief) 6
 - MOU PSSM dengan Kementerian Perpaduan Negara & Pembangunan Masyarakat 6
 - Makan Malam dengan Ketua Pengarah Japan Foundation, Kuala Lumpur 6
 - Buku Baru PSSM 6
 - Laman Web PSSM 7
 - Mesyuarat Agung Tahunan PSSM 7
 - Penerbitan oleh Ahli-ahli PSSM 7
- Sudut Pandangan / Viewpoints 7
 - Gerakan Milenaria dan Imam Mahdi 7
 - Neither Fish nor Fowl 9
- Announcements of Positions & Fellowships 11

JAWATANKUASA KERJA PSSM, 2000/02

- Presiden: Dr. Abdul Rahman Embong (UKM)
 - Timb. Presiden: Dr. Mohd Hazim Shah (UM)
 - Naib Presiden: Dr. Kamaruddin M. Said (UKM)
 - Sdr. Mohd Darbi Hashim (UITM)
 - Sdri. Norani Othman (UKM)
 - Setiausaha: Sdr. Muhammad Asri Mohd Ali (UM)
 - Pen. Setiausaha: Sdri. Saliha Hj. Hassan (UKM)
 - Bendahari: Sdri. Lai Suat Yan (UM)
 - Ahli-ahli JK: Dr. Edmund Terence Gomez (UM)
 - Dr. Shanti Thambiah (UM)
 - Sdr. Chin Yee Whah (UKM)
 - Dr. Phua Kai Lit (Univ. Perubatan)
 - Dr. Diana Wong (UKM)
 - Dr. Rashila Ramli (UKM)
 - Dr. Rokiah Alavi (UIA)
- (Website: <http://phuakl.tripod.com/pssm/homepage.htm>)

DARI MEJA PRESIDEN

Salam Sejahtera kepada Semua Ahli PSSM dan Para Pembaca!

Sudah kira-kira lapan bulan berlalu sejak pemilihan ahli jawatankuasa baru PSSM pada Februari tahun ini. PSSM sempat mengadakan beberapa seminar dan aktiviti lain serta menerbitkan *Berita PSSM*. Salah satu seminar terbarunya diadakan pada 30 Ogos 2000 mengenai hak asasi manusia dan peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (lihat laporan di dalam). Persatuan akan terus mengatur aktiviti seperti ini dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, PSSM sedang membuat persiapan untuk mengadakan dua persidangan penting pada tahun hadapan. Persidangan pertama ialah *Persidangan Kebangsaan Sains Sosial di Malaysia* yang akan diadakan pada 19 dan 20 Februari 2001. Selain itu, persiapan untuk menganjurkan *The Third International*

Malaysian Studies Conference (MSC3) yang akan diadakan pada 6-8 Ogos 2001 juga sedang rancak berjalan (lihat butir lanjut di dalam). Pihak kami sedang berusaha untuk mendapatkan penganjur untuk membantu pembiayaan bagi kedua-dua persidangan ini. Kami berharap persidangan-persidangan ini akan menjadi saluran penting bagi membincangkan pelbagai aspek sains sosial di Malaysia, dengan demikian mengembangkan lagi sains sosial di negara ini. Kami juga berharap beberapa buah buku yang bermutu mengenai sains sosial di Malaysia akan dapat diterbitkan sebagai hasil persidangan nanti.

Sebagai sebuah persatuan sukarela, soal kewangan sangat penting. Di samping berhemat dengan kewangannya yang ada, Persatuan perlu berusaha menambah kemasukannya. Kini ke-

Semua pandangan dalam Berita PSSM, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan PSSM.

(The views expressed in Berita PSSM, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Malaysian Social Science Association).

dudukan kewangan Persatuan sedang diperkukuhkan. Hasil daripada perbincangan di antara AJK Persatuan dengan pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, PSSM sudah menerima geran sebanyak RM45,000 daripada Kementerian untuk biaya pengurusan Persatuan. Satu Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada 27 September lalu. Dengan geran tersebut, pihak Persatuan dapat menyewa pejabatnya sendiri bagi menjalankan urusan Persatuan.

Pihak kami gembira bahawa kempen mendapatkan ahli baru nampaknya berjalan dengan agak baik. Sejumlah ahli baru telah mendaftar diri. Kami berharap lebih ramai lagi ahli

sains sosial akan berpadu tenaga dengan kami dengan menjadi ahli Persatuan. Walaupun PSSM mempunyai ahli di luar Lembah Klang, buat masa ini, keahlian dan aktiviti masih lagi bertumpu di sini. Kami akan berusaha untuk memperluas keahlian dan kegiatan PSSM supaya ia akan menjadi lebih nasional sifatnya. Sebarang cadangan daripada ahli dan bakal ahli untuk menjayakan rancangan ini amat dialu-alukan.

Untuk makluman ahli, Persatuan akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya pada 20 Februari tahun depan, iaitu bersempena dengan Persidangan Kebangsaan Sains Sosial di Malaysia. Kami berharap seramai mungkin ahli akan menghadiri mesyuarat itu nanti. ■

PERSIDANGAN KEBANGSAAN

SAINS SOSIAL DI MALAYSIA: REALITI DAN CABARAN BARU

Penganjur

Persatuan Sains Sosial Malaysia

dengan kerjasama

Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh: 19 & 20 Februari 2001 (Isnin & Selasa)

Tempat: Bilik Jumaah, Paras 5, Bangunan Pentadbiran

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Latar Belakang

Bidang sains sosial dan para ilmunan sains sosial hari ini menghadapi beberapa perkembangan dan cabaran baru yang perlu direnungi dengan bersungguh-sungguh dan ditangani dengan baik. Seiring dengan proses globalisasi yang semakin pesat dan meluasnya perkembangan teknologi maklumat, masyarakat umat manusia termasuk Malaysia menghadapi perubahan yang pesat dan mendalam. Krisis kewangan dan ekonomi yang tercetus pada 1997-98, misalnya, bukan sahaja membawa kesan huru-hara ke atas ekonomi dan masyarakat berkenaan, tetapi juga menghadapi persoalan-persoalan baru yang perlu diberi huraian yang memuaskan oleh ilmunan sains sosial.

Selain itu, di bawah pengaruh pemikiran neo-liberal dan tuntutan peningkatan daya saing untuk menghadapi globalisasi, pemerintah

pelbagai negara termasuk Malaysia telah melaksanakan beberapa perubahan dasar khususnya melaksanakan liberalisasi, deregulasi dan penswastaan. Pemerintah juga semakin memberi penekanan kepada keperluan untuk tenaga yang berkemahiran dalam ilmu yang berteraskan sains dan teknologi, manakala tenaga dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan dianggap sebagai pelengkap sahaja. Di peringkat universiti pula, kepimpinan universiti mengambil tindakan dengan melakukan perombakan dan penstrukturan semula ke atas institusi ilmu dan juga ke atas kandungan ilmu itu sendiri.

Di Malaysia, kesemua perkembangan ini telah dan sedang berlaku dengan pesat dan menjadi cabaran baru bagi ilmunan di bidang sains sosial. Para ilmunan sains sosial di Malaysia telah dan sedang memainkan peranan mereka sesuai dengan perkembangan-perkembangan baru pada

pelbagai peringkat sejarah negara ini. Sejak sains sosial dikembangkan di universiti di Malaysia lebih lima dasawarsa yang lalu, para ahli sains sosial telah membahas pelbagai masalah yang penting bagi menghuraikan persoalan masyarakat dan juga bagi memajukan bidang ilmu itu dalam bentuk pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, realiti dan cabaran baru yang dihadapi oleh bidang sains sosial pada hari ini memerlukan para ahli sains sosial meneliti kembali kedudukan dan sumbangan sains sosial kini supaya sains sosial sentiasa dapat berada di hadapan untuk menganalisis dan memberi makna kepada pelbagai fenomena masyarakat yang sedang berubah dan kepada pelbagai isu keilmuan itu sendiri. Dengan demikian, satu persidangan kebangsaan untuk membahas "*Sains Sosial di Malaysia – Realiti dan Cabaran Baru*" perlu diadakan.

Objektif Persidangan

Persidangan kebangsaan pertama di Malaysia mengenai sains sosial telah diadakan pada Ogos 1974, bertemakan "*Peranan dan Orientasi Sains Sosial dan Ahli-ahli Sains Sosial di Malaysia*" anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM. Sejak itu, banyak persidangan telah dianjurkan dari semasa ke semasa mengenai pelbagai aspek sains sosial seperti persoalan modenisasi, serta persoalan pengajaran dan penyelidikan dalam bidang sains sosial di universiti.

Persidangan "*Sains Sosial di Malaysia – Realiti dan Cabaran Baru*" yang dianjurkan kini akan meneruskan perdebatan dalam persidangan-persidangan sebelum ini, dengan mengambil kira pelbagai realiti dan cabaran baru serta dimensi baru yang perlu dikajinya. Persidangan ini bertujuan menghimpunkan sejumlah sarjana dan pemikir sains sosial, pemimpin universiti, pembuat dasar, ahli "think tank" dan juga mereka daripada sektor swasta untuk berkongsi pendapat dan membuat penilaian mengenai kedudukan dan peranan sains sosial di Malaysia pada hari ini serta mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapinya dari segi pengembangan ilmu, pengajaran, penyelidikan dan penggunaannya dalam pembangunan negara pada abad baru ini. Persidangan ini juga diharap

dapat mengemukakan beberapa saranan bagaimana disamping mengekalkan kerelevanannya bagi pembangunan negara, sains sosial di Malaysia juga dapat maju ke depan dari segi perkembangan ilmu sejajar dengan perkembangannya di peringkat antarabangsa.

Objektif khusus persidangan ini ialah seperti berikut:

- Meneliti perkembangan ilmu sains sosial di Malaysia setakat ini
- Mengenalpasti kekuatan serta kelemahan sains sosial dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan juga wacana ilmu dalam konteks masyarakat semasa
- Merancang strategi dan pendekatan baru bagi pengembangan sains sosial dari segi ilmu dan juga untuk memberi masukan kepada dasar negara.

Kertas kerja persidangan akan dibaiki dan diterbitkan dalam sebuah buku terbitan Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Pembentangan Kertas Kerja

Kertas kerja yang dibentangkan di persidangan ini adalah melalui undangan. Bagi setiap sesi, dua pembentang akan diundang untuk membicarakannya. Pembentang akan diminta untuk menyediakan satu kertas kerja yang panjangnya di sekitar 6000 perkataan. Selain itu, setiap sesi akan mempunyai pengerusi dan pendiskusi.

Untuk membahas kedudukan dan peranan sains sosial dalam konteks realiti dan cabaran baru, satu perbincangan panel yang disertai beberapa orang panelis akan diadakan sebagai sesi akhir persidangan.

Yuran Pendaftaran

Setiap peserta dikenakan yuran pendaftaran seperti berikut:

Ahli: RM30.00
Bukan-ahli: RM50.00

Pelajar:
Ahli: RM10.00
Bukan-ahli: RM20.00

Yuran pendaftaran diperlukan untuk kertas kerja serta makan minum pada hari siang sepanjang persidangan selama dua hari serta jamuan makan malam bagi peserta-peserta persidangan pada 19 Februari 2000.

Saudara-saudari yang ingin menghadiri persidangan ini boleh menghubungi Sekretariat persidangan, iaitu Cik Hariaty Abu Hassan, di Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM (Tel: 03-89292233; Faks: 03-89251168; e-mail: hariaty@pkisc.cc.ukm.my)

Aturcara Persidangan

Februari 19 (Isnin)

9:00 Ucapan Dasar oleh Presiden PSSM
 9:30 *Sesi 1: Persoalan Orientasi Teori Sains Sosial*
 10:45 Jamuan Ringan
 11:00 *Sesi 2: Persoalan Modenisasi*
 12:15 Makan Tengahari/Solat
 2:00ptg *Sesi 3: Penyelidikan dan Penerbitan*
 3:15ptg Jamuan Ringan
 3.30ptg *Sesi 4: Pengajaran dalam Sains Sosial*

4.45ptg Persidangan ditangguhkan
 8.00mlm Majlis Makan Malam Persidangan

Februari 20 (Selasa)

9:00 *Sesi 5: Sains Sosial dan Persoalan Globalisasi*
 10:30 Jamuan Ringan
 11:00 Mesyuarat Agung Tahunan PSSM bagi 2001
 12:30 Makan Tengahari/Solat
 2:00ptg *Sesi 6: Sains Sosial di Malaysia: Realiti dan Cabaran Baru (Forum)*
 4:30ptg Ucapan Penutup oleh Presiden PSSM
 4.40ptg Jamuan Ringan dan Persidangan Tamat

Perhatian: Nama para pembentang kertas kerja, pendiskusi dan pengerusi akan diumumkan apabila semua mereka yang diundang telah mengesahkan penyertaan masing-masing. ■

THIRD INTERNATIONAL MALAYSIAN STUDIES CONFERENCE (MSC3)

Following the success of the first and second international Malaysian studies conferences held in 1997 and 1999, the Malaysian Social Science Association will be holding the Third International Malaysian Studies Conference (MSC3) on 6–8 August 2001. The objectives of the Conference are:

1. To bring together scholars, both local and international, working on Malaysia, for the purpose of academic exchange and interaction.
2. To analyse issues and problems relating to contemporary Malaysia, and to compare the Malaysian experience with that of other nations, especially the Asian nations.
3. To examine the role of Malaysians and Malaysian organisations and communities abroad, in contemporary world affairs.
4. To examine the state of Malaysian studies and to suggest ways for its advancement.

The Association plans to bring out book publications based on articles selected from the conference papers.

The overall theme of MSC3 is “Malaysia: Dynamics of Transformation”, where reflections on the past, present and future trends of Malaysia in the globalising world, will be undertaken. Papers are invited on the broad subject of “Malaysian Studies” conceived in the

fashion of area studies. Papers on all subjects relating to Malaysia such as Malaysian History, Politics, Economics, Literature, Anthropology, Sociology, etc., are welcome. Inter-disciplinary studies are also welcome.

MSC3 will be held at Universiti Kebangsaan Malaysia (National University of Malaysia) or UKM, Bangi, Selangor, Malaysia, which is about 30 kilometres to the south of Kuala Lumpur. The Organising Committee is currently finalising the details of the Conference and will make the first official announcement shortly. The Committee will reduce the registration fee to make it more affordable to both members and non-members. At the same time, it will look into the problems of accommodation, transport and other matters to ensure that as many interested scholars and students can participate in the conference.

All enquiries regarding MSC3 should be sent to:

MSC3 Secretariat
 (Att: Mr. Foo Ah Hiang)
 Institute of Postgraduate Studies and Research
 University of Malaya
 50603 Kuala Lumpur
 Malaysia

Email: h1foo@umcsd.um.edu.my
 Tel: 6-03-79593606 Fax: 6-03-7567252 ■

Hak Asasi Manusia dan Peranan SUHAKAM

Satu seminar mengenai tajuk di atas telah diadakan di Bilik Jumaah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada jam 2.30 petang 30 Ogos 2000. Seminar itu dianjurkan oleh Persatuan Sains Sosial Malaysia dengan kerjasama Jabatan Sains Politik, UKM. Lebih 100 orang pensyarah dan pelajar menghadiri seminar itu. Penceramah undangan di seminar itu ialah Dato' Dr. Salleh Mohd. Nor, Ahli SUHAKAM yang mewakili Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Musa Hitam.

Dato' Dr Salleh memulakan perbincangannya dengan memberi definisi hak asasi manusia sebagai "the rights possessed by all persons, by virtue of the common humanity to live a life of freedom and dignity, as well as to live in liberty and security." Hak itu bukan semata-mata meliputi hak politik, tetapi juga hak ekonomi, sosial dan budaya. Beliau merujuk kepada Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat oleh Bangsa-bangsa Bersatu pada 1948 dan menunjukkan bahawa Malaysia turut menandatangani kovenan hak asasi manusia. Beliau memaklumkan bahawa Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) diwujudkan di bawah Akta Parlimen yang diluluskan pada 9hb September 1999 dan badan ini dirasmikan penubuhannya pada April 2000. Penubuhan SUHAKAM bukan sahaja mewujudkan satu ruang bagi rakyat Malaysia membuat aduan mengenai tindakan yang mencabar hak asasi mereka tetapi juga menandakan perubahan baru dalam masyarakat Malaysia yang mementingkan hak asasi manusia.

Menurut beliau, SUHAKAM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen dan semua perbelanjaannya dibiayai oleh kerajaan. SUHAKAM bukan sebuah NGO dan perlu memberi laporan tahunan kepada Parlimen, maka ia berbeza daripada NGO seperti Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) atau NGO lain yang memperjuangkan hak asasi manusia. SUHAKAM yang dipengerusikan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Seri Dato' Musa Hitam mempunyai jumlah keahlian yang dibenarkan seramai 20 orang tetapi setakat ini 13 ahli sahaja dilantik. Ahli SUHAKAM dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri bagi tempoh selama dua tahun. Fungsi SUHAKAM adalah (a)

meningkatkan kesedaran hak asasi manusia di kalangan pelbagai kalangan masyarakat termasuk jentera pemerintah seperti polis; (b) menasihati kerajaan dalam pembentukan undang-undang; (c) mengajukan peralatan antarabangsa untuk mengkaji undang-undang antarabangsa; dan (d) menerima aduan daripada individu dan pertubuhan atas isu-isu hak asasi dan menyorkan tindakan kepada kerajaan. Setakat ini SUHAKAM telah menerima dua ratus lebih aduan. Masalah yang dihadapinya kini ialah kekurangan kakitangan untuk menguruskan dan menyiasat aduan di samping SUHAKAM masih belum mempunyai bangunan sendiri untuk membolehkannya mengadakan sesi *hearing* mengenai pelanggaran terhadap hak asasi manusia.

Sesi soal jawab yang berlangsung selepas pembentangan penceramah berjalan dengan rancak dipenuhi dengan banyak soalan dan pandangan. Salah satu yang menarik perhatian hadirin ialah setakat mana SUHAKAM mempunyai kebebasan menjalankan siasatan dan juga setakat mana cadangan SUHAKAM akan diterimapakai oleh pemerintah. Soalan ini timbul kerana pelantikan ahli SUHAKAM dibuat atas nasihat Perdana Menteri. Tarikh penubuhan SUHAKAM dalam konteks pergolakan politik semasa berkaitan dengan 'gerakan reformasi' juga menimbulkan tanda tanya mengenai tujuan penubuhannya. Para hadirin juga mengharapkan SUHAKAM akan berusaha keras supaya undang-undang yang menggugat hak asasi manusia seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri dikaji semula ataupun dimansuhkan.

Dato' Dr. Salleh mengakui konteks kelahiran SUHAKAM boleh menimbulkan banyak ke-sangsian tentang kebebasan fungsinya. Namun demikian SUHAKAM masih baru dan kita tidak patut bertindak selaku hakim menghakimi kewujudan SUHAKAM. Sebaliknya kita perlu memberi peluang kepada SUHAKAM membuktikan dirinya sebagai sebuah badan bebas yang mampu melaksanakan tugasnya bagi memperjuangkan hak asasi manusia di Malaysia.

Laman web SUHAKAM ialah:

www.humanrights.com.my ■

Majlis Menandatangani Memorandum Persafahaman di antara Kementerian Perpaduan Negara & Pembangunan Masyarakat dengan PSSM dan Tujuh NGO Lain

Satu majlis menandatangani Memorandum Persafahaman (MOU) di antara Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) dengan lapan buah badan bukan kerajaan (NGO) telah diadakan pada hari Rabu, 27 September 2000, jam 5.00 petang di KPNPM di Wisma Bumi Raya, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. PSSM ialah salah sebuah NGO yang menandatangani MOU tersebut dan telah menerima geran pelancaran sebanyak RM45,000 daripada Kementerian. Dalam ucapannya di majlis itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, YB Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman mengharapkan geran yang dianugerahkan kepada NGO-NGO itu digunakan dengan baik untuk tujuan meningkatkan pembangunan sosial di Malaysia. Turut hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen KPNPM. Ketua Setiausaha KPNPM Datuk Theivandran Rajadurai dan pegawai-pegawai kanan lain di kementerian juga hadir.

PSSM telah diwakili oleh saudara Presiden, Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Embong yang menandatangani MOU tersebut bagi pihak Persatuan. Hadir bersama Presiden ialah tiga orang ahli Exco PSSM, iaitu Timbalan Presiden Prof. Madya Dr. Mohd Hazim Shah, Setiausaha Sdr Muhammad Asri, dan Bendahari, Sdri Lai Suat Yan. NGO-NGO lain yang menandatangani MOU itu dan turut mendapat geran bantuan daripada Kementerian ialah Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia, Befrienders Pulau Pinang, Malaysia Hindu Sangam Kedah, Kelab Sukan dan Kebajikan KPNPM, Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA), serta Jawatankuasa Khas Rancangan Pembangunan Sosial & Kemudahan Asas Sektor Perladangan. Jumlah keseluruhan geran yang dianugerahkan kepada lapan NGO tersebut pada hari itu ialah sebanyak RM500,000 lebih. ■

Jamuan Makan Malam dan Perkenalan dengan Ketua Pengarah Japan Foundation, Kuala Lumpur

Satu majlis makan malam untuk tujuan perkenalan di antara Presiden PSSM dan Timbalan Presiden dengan Ketua Pengarah yang baru Japan Foundation di Kuala Lumpur, Encik Sugihara Masamichi telah diadakan di Hotel Hilton, Petaling Jaya pada 28 Ogos 2000. Turut hadir daripada Japan Foundation ialah Encik Takiguchi Ken. Japan Foundation melalui Asia Centre telah membantu PSSM dari segi pembiayaan untuk penganjuran Malaysian Studies Conference (MSC) 1 & 2 pada 1997 dan 1999. Dalam majlis makan malam itu, Presiden PSSM, Dr. Rahman telah membincangkan soal kerjasama di antara PSSM dengan Japan Foundation khususnya berhubung dengan penganjuran MSC3 yang akan diadakan pada Ogos 2001. ■

Buku Baru Terbitan PSSM

Sebuah buku baru berjudul *New Perspectives in Malaysian Studies* suntingan bersama Mohd Hazim Shah, Jomo K.S. dan Phua Kai Lit sedang dalam proses penerbitan dan dijangka dapat memasuki pasaran pada awal 2001. Buku ini adalah hasil penulisan para sarjana yang menjadi pembentang kertas kerja dalam MSC2. Ia terdiri daripada 15 bab (tak termasuk Pendahuluan) dan diterbitkan secara bersama oleh PSSM dan Penerbit UKM.

Sebuah buku lagi, *Risking Malaysia*, juga akan diterbitkan oleh PSSM tidak lama lagi. Buku ini disunting oleh Maznah Muhamad daripada Universiti Sains Malaysia. ■

Laman Web PSSM

Laman Web PSSM yang pada tahun lalu dikendalikan oleh *Malaysiakini* telah dikendalikan sendiri oleh Exco PSSM melalui Dr. Phua Kai Lit dan Chin Yee Whah sejak April 2000. Laman web ini diurus secara percuma. Ia mengandungi maklumat mengenai PSSM, beberapa tulisan oleh Presiden dan ahli-ahli PSSM lain serta rangkaian dengan laman web lain yang menarik. Salah satu ciri penting laman web ini ialah ia mengandungi semua kertas kerja yang dibentangkan di Second Malaysian Studies Conference (MSC2). Alamatnya ialah:

<http://phuakl.tripod.com/pssm/homepage.htm/>

Mesyuarat Agung Tahunan PSSM

Mesyuarat agung tahunan PSSM akan diadakan pada 20 Februari 2001 bersempena dengan Persidangan Kebangsaan Sains Sosial yang akan berlangsung di UKM selama dua hari, iaitu 19 dan 20 Februari 2001. Harap semua ahli ambil perhatian. Butir-butir mengenainya akan dimaklumkan kemudian. ■

Penerbitan Baru oleh Ahli-ahli PSSM / New Publications by PSSM Members

Tajuk: *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?* (12 bab; 282 halaman)

Penyunting: Norani Othman & Sumit K. Mandal

Penyumbang: Norani Othman, Ishak Shari, Abdul Rahman Embong, Rustam Sani, Clive Kessler, Sumit Mandal

Penerbit: Penerbit UKM

Tahun: 2000

Harga: RM25.00

Tajuk: *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan* (9 bab; 143 halaman)

Pengarang: Abdul Rahman Embong

Penerbit: Penerbit UKM

Tahun: 2000

Harga: RM15.00

Title: *Identity and Identity Formation* (Special Issue of *Akademika*, No. 55) (12 articles including editorial, research notes; 208 pages)

Focus editor: Abdul Rahman Embong

Publisher: Penerbit UKM

Year: 1999 (July)

Price: RM20.00

Title: *e-THOUGHT* (an electronic journal of opinion on current Malaysian and international affairs)

Editors: Farish Noor, Phua Kai Lit

Inaugural volume: Vol. 1, No. 1, Oct-Dec 2000
Can be accessed through PSSM website (see address at 'Laman Web PSSM'). ■

SUDUT PANDANGAN / VIEWPOINTS

Gerakan Milenaria dan Imam Mahdi sebagai Protes Sosial

Profesor Dr. Mohamed Yusoff Ismail

Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Peristiwa di Sauk, Perak pada Julai 2000 yang melibatkan kumpulan al-Maunah telah menimbulkan satu kesedaran mendalam di kalangan hampir semua penduduk di Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Dari perspektif teornya, peristiwa tersebut tergolong ke dalam gerakan milenaria atau *messianic*, iaitu sejenis perjuangan yang bertujuan untuk membebaskan diri daripada penderitaan sosial, ekonomi dan politik. Asas dan pewartannya bersifat keagamaan kerana mobilisasi pengikutnya dilakukan dalam kerangka sebuah sistem kepercayaan

dengan kepimpinan yang diterajui oleh seorang atau beberapa orang tokoh agama.

Kebanyakan agama yang berasal daripada tradisi Judeo-Kristian mempunyai kepercayaan bahawa seorang nabi penyelamat akan turun dari langit untuk membebaskan umat manusia daripada penderitaan yang disebabkan oleh sistem sosial, ekonomi dan politik yang tidak adil dan porak-peranda (*anarchy*).

Istilah milenaria merujuk kepada tempoh seribu tahun yang akan diperintah oleh Nabi Isa yang

kembali ke dunia setelah dibangkitkan semula bersama-sama dengan wali-walinya. Tetapi masalahnya ialah sebelum kedatangan Nabi Isa, beberapa tokoh palsu akan muncul satu demi satu, serta mengaku bahawa merekalah nabi-penyelamat yang sebenar.

Di kalangan masyarakat Islam gerakan seperti ini sering dikaitkan dengan kemunculan Imam Mahdi. Fenomena ini tidak terhad kepada agama wahyu dan kitab sahaja. Di kalangan agama Buddha misalnya, pernah berlaku beberapa gerakan yang seakan-akan menyamai fenomena ini.

Apakah huraian antropologi ke atas fenomena milenaria? Apakah yang menyebabkan penganut sesuatu sistem agama yang mantap dari segi pengurusan sosial dan birokrasinya boleh terpedaya dengan ajaran yang dibawa oleh orang yang mengaku dirinya tokoh penyelamat?

Gerakan milenaria dikatakan berpunca daripada wujudnya perasaan tidak puas hati, kecewa, tersisih, atau kecundang, atau semuanya sekali, yang dialami oleh segolongan masyarakat yang tertekan. Misalnya, di Itali pernah berlaku kebangkitan milenaria di kalangan golongan tani yang menderita kerana penindasan yang teruk akibat kewujudan sistem kapitalis moden. Di daerah Melanesia di Lautan Pasifik, kultus kargo (*cargo cult*) muncul sebagai tindak balas kepada kedatangan kuasa penjajah kulit putih. Begitu juga di Jerman berlaku kebangkitan kelas buruh Annabaptist di Munster yang menderita kemiskinan dan kebuluran yang sangat teruk.

Kebanyakan penyelidik berkongsi pendapat bahawa gerakan milenaria itu merupakan “agama bagi golongan yang tertindas.” Dalam menghadapi tekanan sosioekonomi dan penindasan politik yang teruk orang mudah diperdayakan dengan kepercayaan bahawa seorang tokoh akan muncul untuk menyelamatkan mereka.

Apa yang dihajatkan dalam perjuangan itu ialah keruntuhan sistem sosial dan politik yang wujud. Gantinya ialah dunia baru yang dipercayai penuh dengan keadilan dan kebahagiaan — sebuah *utopia*. Justeru itu pengikut gerakan milenaria tidak teragak-agak bertindak membuta tuli menjalankan arahan tokoh penyelamat, biarpun tindakan tersebut tidak masuk akal, karut serta bertentangan dengan akidah.

Satu sifat yang seragam pada gerakan milenaria ialah kesamaran pada bentuk dunia baru dan aturan sosial yang diperjuangkan itu. Ideologinya kurang jelas, organisasinya tidak tersusun, tetapi dalam keadaan yang sangat tertekan, ini bukanlah soal penting. Yang pentingnya ialah seorang tokoh atau “nabi-penyelamat” telah muncul dan bersedia untuk membawa mereka ke dunia baru yang bahagia dan sejahtera.

Di kalangan penganut agama Buddha Theravada di Thailand beberapa gerakan milenaria pernah berlaku di wilayah timur laut pada awal abad ke-20. Biarpun pihak pemerintah menyebutnya sebagai penderhakaan, tetapi ciri-cirinya bersifat milenaria.

Puncanya mudah difahami, kerana wilayah ini adalah wilayah yang paling miskin, serta tersisih daripada arus pembangunan negara. Biarpun penduduk wilayah tersebut beragama Buddha sama seperti penduduk di wilayah tengah, namun terdapat perbezaan dari segi identiti etnik dan budaya tempatan. Tekanan dan keangkuhan pegawai tadbir dari Bangkok memburukkan lagi penderitaan sosial dan masalah ekonomi penduduk tempatan.

Dalam suasana yang sangat tertekan itu kebetulan timbul khabar angin tentang kemunculan seorang nabi penyelamat. Watak tersebut bernama Ong Man, seorang tokoh agama (*phu mi bun*) yang sangat berkarisma. Selain itu beliau dikatakan mempunyai keistimewaan kerana kebolehannya melakukan beberapa perkara ajaib. Beliau dilaporkan pernah mengisi muncung senapang dengan pasir sebagai ganti ubat bedil, lalu menembak dengan senapang itu.

Kedatangan tokoh penyelamat seperti ini memang diramalkan dalam beberapa kitab sampingan dalam tradisi agama Buddha. Kemunculan Ong Man kena pada ketika dan waktunya kerana pada awal tahun 1900-an keadaan kemiskinan begitu memuncak di wilayah timur laut Thailand sehingga penduduk tempatan mudah percaya kepada apa sahaja yang boleh menyelamatkan diri mereka daripada kesengsaraan itu.

Pada masa yang sama tersebar pula khabar angin yang menyebut bahawa pada ketika munculnya nabi penyelamat, emas dan perak akan bertukar menjadi batu, sementara batu

akan bertukar kepada emas dan perak. Haiwan ternakan, seperti babi dan kerbau, akan bertukar menjadi raksasa ganas yang akan membaham tuannya hidup-hidup. Malapetaka tersebut dikatakan hanya dapat dielakkan dengan meminta air jampi dan tangkal pelindung diri daripada golongan agamawan yang dikenali sebagai *phu wiset*, iaitu mereka daripada golongan alim ulama dan bekas bikhu.

Pada peringkat kemuncaknya, keadaan menjadi begitu kelam-kabut dan tidak terkawal lagi sehinggalah tercetusnya histeria awam: orang mula membunuh babi dan kerbau; ada yang mula memungut anak batu dan menunggu arahan selanjutnya daripada Ong Man. Pihak kerajaan pula mula merasa cemas dan terancam.

Selepas peristiwa pada tahun 1901, ada lagi beberapa gerakan millenaria yang tercetus di Thailand, misalnya dalam tahun 1924, 1959 dan 1966. Tokoh-tokoh yang menyusul itu dikatakan mempunyai pelbagai kebolehan ajaib. Ada konon yang boleh menangkap ikan emas dengan hanya menebar pukal pada pohon kayu di darat; ada yang menjadikan mangkuk dana yang kosong tiba-tiba penuh berisi dengan nasi. Ada

pula tokoh penyelamat yang mengaku dirinya penjelmaan semula raja agung zaman silam seperti Raja Chulalongkorn dan Thao Tham-mikarad.

Ternyata bahawa semua gerakan itu mempunyai faktor pendorong yang hampir sama: keadaan rakyat yang tertekan kerana kemiskinan, penindasan politik dan tekanan birokrasi yang berleluasa; kemunculan tokoh agama yang berkarisma; dan ramalan akan hari kiamat serta langkah-langkah penyelamatan.

Melalui penghujahan keagamaan, gerakan milenaria menjanjikan jalan keluar daripada krisis kemasyarakatan yang teruk. Walaupun terdapat pelbagai polemik tentang kedatangan nabi penyelamat, satu pengajaran yang boleh diambil ialah manusia, sebagai insan sosial, akan mencari jalan keluar yang paling mudah apabila mereka menghadapi tekanan yang amat sangat. Bagi mereka, sama ada jalan yang dipilih itu masuk akal atau sebaliknya, itu tidak penting. Yang pentingnya ialah orang boleh percaya kepada perkara tahyul, tangkal, azimat, dan apa sahaja asalkan mereka yakin bahawa akhirnya mereka akan mencapai kebahagiaan setelah sekian lama menderita. ■

Neither Fish Nor Fowl (or, The Adventures of a Social Scientist in a Medical School)

K. L. Phua

International Medical University, Kuala Lumpur

A medical sociologist attempts to teach public health and the rudiments of social science to medical students.

This is the story of the adventures of a social scientist in the “alien” cultural milieu of the medical school. It concerns my attempts to introduce medical students to the approaches of social scientists such as medical sociologists and health economists with respect to health problems. This “clash of cultures” between the socioeconomic approach and the biomedical approach has made for an at times interesting and at times frustrating academic life indeed.

I am a male, 40-something baby boomer who learned his sociology at Johns Hopkins Univer-

sity. As a result of my seventeen year sojourn in the United States, I have become a humanities-loving social scientist of left-liberal orientation. The medical students whom I teach are largely upper class students from the “science stream” in secondary schools with little exposure to the liberal arts. As a legacy of British colonialism, our students are tracked into “science” and “arts” streams during upper secondary school and the science students have little exposure to the social sciences and humanities. Although I was very similar to these students during my teenage days (leaving out the upper class bit), I have changed greatly over the years and this makes for a very interesting contrast in worldview and orientation to health problems. This

is in spite of the fact that I am no stranger to science and the scientific way of thinking since biology was my minor for my undergraduate degree (it was also my favourite subject as a “science stream” student in upper secondary school in Malaysia).

Also, being the sole social scientist on the faculty of a medical school, this makes me feel sometimes as if I am carrying out participant observation “research” on my students and my biomedical colleagues. I am like an anthropologist who studies a culture which is not totally alien but neither is it totally the anthropologist’s own. Betwixt and between. Or neither fish nor fowl, in other words.

Although my education includes an inter-departmental undergraduate degree in public health, a PhD in medical sociology and professional qualifications in (health) insurance, I am essentially a social scientist in my orientation and automatically think along socio-economic lines when dealing with health problems. Hence, my agreement with Rudolf Virchow’s insistence that medicine *is* a social science and that medicine is actually politics applied in practice. But try telling that to the typical Malaysian medical student! “Huh? What’s the guy talking about?” would probably be the response. Even worse, another response may be “What’s ‘social science’?”

To members of the lay, educated public, it is obvious that health is determined to a great extent by balanced nutrition, access to clean water and proper sanitation, safe working conditions and so on. But medical students are not terribly interested in studying about nutrition. Neither are they very much interested in issues pertaining to occupational health and environmental health. The focus of the medical curriculum is on diseases and pathology, not wellness and the prevention of disease. Therefore, students have a ho-hum attitude towards studying ways to prevent disease. This is in spite of the strong evidence that many diseases can be prevented from occurring. For example, to medical students, it is much more exciting to learn about the various disorders of the heart and blood vessels than to learn about the prevention of such disorders through proper diet

and regular exercise. It is much more interesting to learn about “haemopneumothorax” (lung puncture injuries arising from car accidents) than about preventing car accidents.

In the case of chronic diseases, again the focus is on pathology and treatment although these diseases cannot be cured and it would have made more sense to prevent them in the first place. As medical technology advances and more and more whiz bang gadgetry appears, the love affair of medical students (and their professors) with technology is likely to intensify although new technology tends to drive healthcare costs up and access to such technology is limited to those who can afford to pay for it. Examples would include the technology of heart transplants and the quest to build an artificial heart.

As a medical sociologist, I hope to make my students aware of the socioeconomic and behavioral determinants of many diseases, e.g., poverty, low levels of education, unemployment, drug and alcohol abuse, dangerous driving, promiscuous sex, poor diet, hazardous occupations, environmental pollution and so on. When I feel more ambitious, I try to include things like racism and discrimination even and cite the examples of South Africa during the dark days of apartheid, the Roma (“gypsies”) in Eastern Europe, the outcastes of India, women in countries where they are heavily discriminated against, sex-selective abortion in contemporary India and China and so on. My hope is that this information would make an impact on the more intelligent and socially aware of the medical students. However, I did happen to overhear one of the best students in a recent entering class comment dismissively to his peers about all the social and economic “nonsense” that can affect the health of people. He implied that they should concentrate instead on the real thing, i.e., diseases and their treatment.

Well, what is there to be done? I ask myself what I can do in the face of such attitudes toward the socioeconomic and behavioral determinants of many diseases. How to overcome the years of lack of exposure to non-science subjects in the Malaysian public schools? My answer to myself is that although the majority of medical students are not

interested in these, there are a handful of students who are interested in political, social and economic issues and how these can affect health and who are therefore more receptive to such information than the others. I hope to inspire this group of students to choose the field of public health with its group-oriented and

prevention-oriented focus. And I plan to reach this group of students with my message.

K.L. Phua (Ph.D) teaches medical sociology, health economics and biostatistics at a private medical school in Malaysia. He is also an Exco member of the Malaysian Social Science Association. ■

ANNOUNCEMENTS OF POSITIONS AND FELLOWSHIPS

University of California, Los Angeles

Sociology – Southeast Asia

The Department of *Sociology* is seeking to fill a position for a specialist in the study of Southeast Asia, all ranks eligible.

Applicants should have a record of research in *Southeast Asia*, with proficiency in one or more of the relevant languages.

Applications accepted from cognate disciplines, such as anthropology or political science, where the topic of focus involves a genuinely sociological topic.

The appointment would require a half-time teaching and research responsibility in UCLA's new Center for Southeast Asian Studies.

Interested applicants should send an application with c.v., statement of research and teaching, and writing samples to:

Professor Roger Waldinger
Chair, Department of Sociology
2201 Hershey Hall
Box 951551
Los Angeles, CA 90095-1551

Applications will begin being reviewed on October 15, 2000. ■



Southeast Asian Studies Open Position at UCLA

The University of California, Los Angeles, invites applications for a tenured or tenure-track position in any field of the Humanities (or a humanistically-related specialty in the social sciences) relating to Southeast Asia to be held in the interdisciplinary Department of East Asian Languages and Cultures. This position is part of a major initiative to expand the University's teaching and research in Southeast Asian Studies, along with three other positions currently being filled. Appointment to begin July 1, 2001.

Send letter of application, vita, statement of research & teaching interests, selected publications or dissertation chapters, and arrange at least 3 letters of recommendation to:

Prof. A. Reid
Chair, Southeast Asian Studies Search
Dept. of East Asian Languages and Cultures
UCLA, 290 Royce Hall, Box 951540
Los Angeles, CA 90095-1540

Applications will begin to be reviewed on 15 December, 2000, though the search will continue until the position is filled.

Further information can be found at:

<http://www.isop.ucla.edu/cseas>

and at

<http://www.humnet.ucla.edu/humnet/ealc> ■



Southeast Asian Studies Post-Doctoral Fellowships at UCLA

The Center for Southeast Asian Studies at the University of California, Los Angeles invites applications for three one-year Post-Doctoral Fellowships in Southeast Asian Studies, two for 2001-2002 and the third for 2002-2003. An initial one-year fellowship under the same project has been awarded for 2000-01 to Eric Thomson. The Ford-funded project is aimed at building bridges between Southeast Asian Studies in the U.S. and Southeast Asia, and between Southeast Asian Studies and Asian American Studies. Accordingly, proposals for research that emphasize such links will be given special consideration. Applicants should have completed a Ph.D within the last three years which involves research on Southeast Asian populations. The base annual stipend is \$33,000.

Apart from conducting their own program of research and writing in the relevant area in collaboration with a faculty mentor, the successful candidates will have modest responsibilities within the project, either to teach one ten-week course designed to be credited in Southeast Asian Studies and at least one additional field (e.g., a discipline or Asian American Studies), and/or to play a role in the planning of the project's colloquia and conferences. Applications should make clear how the applicant might teach such a course, or organise a conference, or in other ways contribute to the border-crossing aims of the project.

Applicants should indicate the precise dates of their availability for the fellowship. Please send applications, together with a c.v., three letters of reference, and examples of published or near-published work to:

Professor Anthony Reid, Director,
UCLA Center for Southeast Asian Studies
11364 Bunche Hall, Box 951487
Los Angeles, CA 90095-1487, USA.

Email inquiries may be directed to Professor Anthony Reid <areid@history.ucla.edu> or Dr Barbara Gaerlan <cseas@isop.ucla.edu>. Candidates will begin to be considered on February 15, 2001, although applications will be accepted until all positions are filled.

CSEAS Website: <http://www.isop.ucla.edu/cseas>

SSRC Fellowships on IT, International Cooperation and Global Security

The Social Science Research Council is pleased to announce the availability of new summer fellowships for innovative research on information technology (IT), international cooperation and global security.

PhD students and faculty from any academic discipline and of any nationality may apply. These in-residence fellowships, for summer 2001, are designed for researchers who currently work on cooperation and security issues and who want to explore the role and impact of IT in this area; or for researchers who work on IT and want to explore its relationship to cooperation and security.

International cooperation and global security involve a wide range of issues including new forms of global regulation and surveillance; transboundary advocacy and global civil society; economic and political "crisis" and transformation; unequal access to goods and services; transnational identity politics; conflict and transboundary intervention; military and warfare practices; and power and authority in the global realm.

IT issues could involve the Internet and related technologies such as those associated with telecommunications, data processing, encryption, and systems of code; robotics, automation, and simulation; and concerns bearing directly on connectivity and content such as structures of information flow and processes of disinformation and dissemination.

Deadline: January 12, 2001 (mailed from inside U.S.) and January 22 (all others). For more information and an application:

Program on Information Technology,
International Cooperation and Global Security
Social Science Research Council
810 Seventh Avenue
New York, NY 10019

(212) 377-2700 telephone / (212) 377-2727 fax

Email: Itcoop@ssrc.org
web: www.ssrc.org ■